

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [ TAIPING ]**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 5**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan pihak Kementerian dalam menggalakkan pengangkutan kargo menggunakan kereta api demi mengurangkan kos pengangkutan darat yang sedia ada.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini hanya jajaran rel KTMB yang menawarkan 2 jenis perkhidmatan kargo iaitu *containerised cargo* dan *bulk cargo*. Perkhidmatan Kargo ini beroperasi di seluruh rangkaian KTMB dan terus ke pelabuhan-pelabuhan laut dan darat utama di Semenanjung Malaysia seperti Pelabuhan Klang, Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Pasir Gudang dan Terminal Kontena Padang Besar.
2. Bagi tahun 2019 (sehingga Ogos 2019), purata perkhidmatan kargo adalah sebanyak 28 larian tren sehari dengan muatan kargo sebanyak 0.5 juta tan sebulan yang mana antaranya terdiri daripada komoditi kontena, *landbridge*, simen dan gula.
3. Kementerian Pengangkutan sedia maklum bahawa kereta api ini merupakan medium pengangkutan darat yang paling ekonomik berdasarkan keupayaannya untuk membawa barang terutamanya barang berat dan komoditi dalam kuantiti pukal.
4. Sehubungan dengan itu, inisiatif-inisiatif berikut sedang dan akan dilaksanakan bagi memperkasakan perkhidmatan kereta api penumpang/barangan KTMB agar ianya lebih cekap, efisien dan boleh dipercayai (*reliable*).
  - a. Meneruskan pelaksanaan Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru bagi melengkapkan sektor Pantai Barat Semenanjung dengan infrastruktur perkeretapiian moden yang mampu menyediakan perkhidmatan tren penumpang dan kargo yang selamat, pantas dan efisyen. Projek yang menelan belanja RM 10.5 billion ini dijangka siap pada Oktober 2021.
  - b. Membaikpulih dan menaiktaraf infrastruktur landasan di Pantai Timur (Gemas – Tumpat), Lembah Klang, Kempas Baru -

## NO. SOALAN : 5

Pasir Gudang dan Landasan Cawangan Pelabuhan Klang Utara dengan kos keseluruhan sebanyak RM8.3 billion.

- c. Meningkatkan keupayaan stokereta (*Rolling Stock*) dengan melaksanakan program overhaul lokomotif sedia ada dengan kos sebanyak RM186.6 juta
5. Di samping itu, pihak KTMB turut melaksanakan langkah-langkah berikut bagi memastikan perkhidmatan yang ditawarkan adalah berdaya saing dengan mod pengangkutan yang lain, iaitu:
- a. Menyediakan kadar tambang yang kompetitif.
  - b. Meningkatkan kecekapan dengan melarikan tren kargo mengikut jadual tetap (*fixed schedule*) yang membawa muatan sehingga 40 ke 50 gerabak setiap larian bagi memastikan kapasiti tren dapat dioptimakan dan pusingan balik stokereta yang lebih cepat.
  - c. Mengadakan perkhidmatan baru seperti *Landfeeder Service* (Pelabuhan Klang - Padang Besar) dan *Landbridge* (Prai ke Shurat Thani dan Thongsong, Thailand).
  - d. Memperkenalkan sistem *freight on-line* untuk memudahkan pelanggan kargo membuat dan menghantar Borang Penghantaran (*consignment note*), memeriksa kedudukan lokasi tren dan wagon yang terkini serta mengemaskini senarai inbois yang perlu dibayar secara atas talian.
6. Selain daripada pengukuhan perkhidmatan kargo KTMB, Kerajaan juga akan memperluaskan perkhidmatan kargo melalui rel di jajaran East Coast Rail Link (ECRL) yang dijangka siap pada tahun 2027.

Sekian, terima kasih.